


JENDELA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM BIL. 3, DISEMBER 1989



*Daripada
Sidang Pengarang Jendela
Perpustakaan USM*

UNTUK EDARAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM SAHAJA

Sekapur Sirih

Sidang Pengarang JENDELA mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada semua kakitangan Kristian dan Selamat Menyambut Tahun Baru kepada semua kakitangan Perpustakaan. Sidang Pengarang JENDELA memohon ampun kerana tidak mengucapkan Selamat Hari Deepavali pada keluaran yang lalu. Keluaran tersebut dijangka terbit pada bulan Ogos tetapi telah terlewat oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. JENDELA juga mengucapkan tahniah kepada Zeey yang telah dipilih untuk menerima hadiah penghargaan dari JENDELA kerana sumbangannya yang tidak putus-putus kepada JENDELA sepanjang tahun 1989. Diharapkan para pembaca menjadikannya sebagai satu contoh yang patut diteladani.


Terbitan kali ini merupakan kali ketiga 1989 dan kini usia JENDELA sudah menjangkau 4 tahun. Selama 4 tahun JENDELA diterbitkan, namun ada kelemahan dan kekurangan yang patut diteguri. Tahun 1990 menjelang tiba dan sumbangan JENDELA kepada pembaca tetap memainkan peranan yang utama. Akhir kata JENDELA mengucapkan SELAMAT MEMBACA.




ISI KANDUNGAN

SIDANG PENGARANG

Aznan Omar	(Ketua Pengarang)	Rencana	m.s. 2
Akhair Salleh		Sumber Ilham	m.s. 3
Boey Fook Loong		Kempen Besopan Santun ...	m.s. 4
Lillian Woon Wai Yuee		Rumusan Artikel	m.s. 6
Mary Vergis		Selayang Pandang	m.s. 8
Norma Bahri		Personaliti	m.s. 9
Sakinah Che Embi		Laporan Peristiwa	m.s.10
Lim Chee Hong	(Penasihat)	Laporan Perkembangan	
		Kakitangan	m.s.11
		Resipi	m.s.13
		Berita ASTAKA	m.s.16
		Ucapan	m.s.18
		Keputusan Teka Silang-	
		Kata	m.s.23
Penghargaan Kepada			
Rosni Habib	(Pembantu Khas)		
S. Kirubanathan	(Grafik)		
Ismail Abu	(Pencetak)		
Kamaruddin Bidin	(Pencetak)		



RENCANA



SMILE

by
Fawzia Dawood

Hush, let us pray quietly for the demise of Lady Smile, for she is dead today. Anyway she was rated a terminal case. You see, she was suffering from the cancer of *Animi Moderatio*. There was no hope for her, sadly. How could she when the neoplasm was life threatening.

First it eroded her laughter and then it attacked her conversation; it became distant and intermittent, thus brought about a breakdown of communication. Slowly it spread to her mood which became unstable and bad. Finally it attacked her face, it became bleak and desolate. From then on there was no improvement and every day it became worse.

Sadly, I remember when she was a baby, about three to six weeks after her arrival to earth how she first smiled up to her mother. This was the beginning of a beautiful relationship with her mother and this enlightenment made her mother happy. Soon she was gurgling, trying to communicate with the world around her.

Then she grew up in a carefree girlhood, her smiles were abundant as her pranks gave her abandonment. She knew if she said "Sorry" with a smile all would be forgiven. This was the time of fun and laughter with friends and family. So she was very happy in the Land of Natural Smiles.

As she grew up into a young lady, she found the smiles could be misunderstood. She could not smile too easily or too much, for the former she would be called bold and for the latter she would be called frivolous. If she smiled perpetually in line with her duty or work, that smile would be termed as "artificially created elation". Have you ever seen an unsmiling bunny? Suppose at the time of imminent danger of an air crash, would you like a calming smile or a dose of professional grimness? I would take the former anytime so that I would die with a smile on my face too!

However Lady Smile was so confused. What with productivity and efficiency, she sold her smiles for grimness. She used to be cheerful and bubbly, now she is morose and grumpy. Then one day when she found out she had the cancer, her life suddenly became bleak. Her beau tried to brighten her day by saying

"Be of good cheer
Smile my dear!"

But she was so lost in her own affliction and could not heed to his advice. If only she had listened to her beau then she would have stumbled on to the elixir.

How she suffered in pain towards her last days, she choked and frothed and writhed. Maybe we should have called in *Eros* to give her a potion to recuperate from her malady. We did not, neither did we call *Dame Cicely Saunders* to administer prescribed amounts of morphine to elevate the pain of dying dismally.

I am very sad to announce that Lady Smile has passed away and the epitaph on her tombstone reads

"Smile and the whole world
smiles with you".

References

1. Leo, John. Is smiling dangerous to women? *Time* . Jan. 14, 1985: 125 (2), 36.
2. Macfarlane, Aidan. If a smile is so important *New Scientist* . Apr. 25, 1974: 62 (895), 164-166.
3. Put on a happy face. *Science News* . Aug. 25, 1984): 126 (8), 153.

SUMBER ILHAM

MANUSIA

Manusia
Bila akal digodai syaitan
Nafsu menerjang hati
Untuk mendapatkan
salah satu:
Moral/Bunga-bunga/Wang
dan mereka menggunakan
+ - x ÷ : , . Jadi
apabila akal dipinangi syaitan
????, ?????, !!!!!, !!!!!.
Fitnah, Dengki, Peluru
Hati menyembah nafsu
Kemanusiaan terkubur
Keinsafan dimamah kezaliman
Hati bertuhankan nafsu
Anggotanya bergerak
mengikuti situasi

ZEEY 1989

MENITI HARAPAN

Bersama hari-hari
yang mengalir pergi
Aku. Setia menanti
Di kelopak hati ini
masih berdenyut
Warna-warna kesetiaan
Aku. Bersama harapan
Masih menanti
Bisikkan kata dari bibir mu
Selagi bunga-bunga hatiku berkembang
Aku tidak berputus asa
untuk menyirami benih-benih kasih ku
yang ku semai di kelopak hati mu
Ku bajainya dengan doa-doa ku
Ku siraminya dengan kejujuran ku
Agar tunas-tunas kasih ku
Hidup menghijau di hati mu

ZEEY 1989

**Kempen Bersopan Santun
di Perpustakaan**
oleh
Zainab Abdul Kader

Aktiviti Kempen Bersopan Santun di Perpustakaan diteruskan dengan mengadakan sidang mini untuk Kakitangan Perpustakaan, Pengawal Keselamatan, Pekerja-Pekerja Syarikat Fotostat yang bertugas di Perpustakaan dan wakil pelajar.

Sebanyak dua belas sidang mini akan diadakan sepanjang kempen ini. Sidang mini yang pertama diadakan pada 9 September 1989 untuk Pengawal Keselamatan USM dan yang kedua diadakan pada 25 November 1989 untuk Kakitangan Perpustakaan.

Hasil perbincangan kedua-dua mini itu menunjukkan bahawa masalah utama yang kita hadapi ialah kurang berkomunikasi di antara satu dengan lain. Seperti pepatah orang Melayu, 'tak kenal maka tak cinta'. Dengan demikian banyak salah faham telah terjadi yang kadangkala mengakibatkan kita menjadi kurang sopan.

Mengikut Tan Sri Dato' Prof. Awang Had Salleh, Penasihat Kementerian Pendidikan Malaysia, "Andaiannya di sini ialah bahawa jika berinteraksi secara mendadak sahaja, salah faham mudah timbul dan persengketaan adalah akibatnya. Sebaliknya, jika kita berinteraksi dengan sopan dan santun, kesopanan dan kesantunan kita itu menjadi sebagai pengalas atau penghias suasana. Dalam keadaan demikian, akan wujud sikap tolak ansur dan mungkin serba atau saling memaafkan. Dengan demikian, salah faham tidak mudah timbul dan ketegangan serta persengketaan tidak mudah berlaku, melainkan bila di dalam kesopanan dan kesantunan itu, salah satu pihak mengesani ketidakikhlasan, ketidakjujuran, penipuan dan pemutarbelitkan."

Beliau menyambung dengan mengatakan, "Dalam masyarakat kerja di mana-mana - di pejabat pentadbiran, di fakulti, di Perpustakaan, di Pusat Islam, di pejabat sukan, dan lain-lain - kesopanan dan kesantunan menambahkan keakraban di antara sekalian anggota tempat kerja, dan ini menambahkan lagi kepuasan dunia kerja atau 'job satisfaction' yang bersama-sama dengan punca-punca kepuasan lain, dapat mempertingkatkan produktiviti kerja di tempat itu."


Apa yang diharapkan oleh Jawatankuasa Kempen Bersopan Santun ialah supaya sidang-sidang mini yang akan diadakan sepanjang kempen ini akan memberi peluang untuk kita berbincang masalah yang kita hadapi dan mencari penyelesaian untuk kebaikan bersama.


Dengan itu marilah kita menghayati Kempen Bersopan Santun dengan penuh kesedaran betapa pentingnya kesopanan dan kesantunan dalam kehidupan kita.

What is it?

"It costs nothing and is worth a lot. It makes the receiver richer without making the giver poorer. It is as brief as lightning but often lingers in memory forever. Nobody is so rich that he can do without it, and nobody so poor that he cannot afford it. It makes for a happy home, creates goodwill in business and is the sign of friendship. It gives strength to the tired, uplifts the disheartened, cheers up the sad and is the best remedy against annoyance. It cannot be bought or begged, borrowed or stolen, because it is valuable only when given as a present. And nobody needs it more desperately than someone who has none left for others."

Answer: A Smile





Rumusan Artikel

oleh
Lilian W.Y. Woon

Blazek, Ron and Bilal, Dania. "Problems with OPAC: a case study of an academic research library". RO. 1988: 28(2), 169-178.

Kajian mengenai masalah-masalah yang ditemui semasa menggunakan "Online public access catalog" (OPAC), iaitu katalog berkomputer Perpustakaan secara talian dijalankan di Florida State University. Ciri-ciri pengguna yang meminta bantuan Pustakawan dalam penggunaan OPAC dan jenis maklumat yang dicari oleh mereka dikaji.

Hasil-hasil dari kajian tersebut adalah seperti berikut:

- (a) lebih rama siswazah lanjutan meminta bantuan daripada Pustakawan, berbanding dengan pengguna-pengguna lain;
- (b) lebih ramai dari mereka yang meminta bantuan adalah pengguna lelaki;
- (c) lebih banyak masalah tertimbul apabila pengguna cuba mencari maklumat melalui pendekatan perkara berbanding dengan pencarian maklumat melalui pengarang atau judul;
- (d) kebanyakan masalah yang ditemui adalah bercorak prosedur atau teknikal;
- (e) mencari maklumat melalui perkara (subject access) adalah masalah yang besar bagi pengguna yang tidak berpengalaman; masalah ini dikurangkan apabilan pengguna lebih berpengalaman;
- (f) "locked keyboard" adalah masalah utama, dan disebabkan oleh "keyboard" maklumat bibliografi yang lebih lengkap, dan maklumat sirkulasi tentang sesuatu tajuk;
- (g) modifikasi yang dikehendaki oleh pengguna termasuk pencarian maklumat melalui "keyword", maklumat bibliografi yang lebih lengkap, dan maklumat sirkulasi tentang sesuatu tajuk;

- (h) pengguna mencadangkan supaya sesi-sesi formal diadakan untuk mengajar cara menggunakan OPAC, serta arahan-arahan yang lebih jelas diletak berdekatan dengan terminal OPAC;

Pengarang-pengarang artikel itu merumuskan bahawa sesebuah Perpustakaan yang baru mendirikan OPAC patut mengkaji masalah-masalah prosedur yang dihadapi oleh penggunanya. Apabila masalah-masalah tersebut diketahui, tindakan-tindakan penyelesaian boleh diimplementasikan.

1. Apa yang sangat penting ialah pendidikan pengguna patut dijalankan, mungkin dalam bentuk bengkel yang formal dengan demonstrasi system OPAC atau tayangan video.
2. Sistem automasi yang digunakan mesti dikaji dengan teliti dari segi kekuatan/kelemahan pencarian maklumat dari setakat mana ia "user-friendly". Perhatian khas perlu diberi kepada masalah-masalah yang mungkin timbul.
3. Panduan atau arahan mengenai cara menggunakan OPAC patut disediakan, sama ada di dalam terminal atau tercetak dan diletak berdekatan terminal. Maklumat yang diberi mestilah jelas dan perhatian pengguna patut ditumpukan kepada masalah-masalah biasa dihadapi.
4. Pengguna patut diberitahu tentang bahian-bahan yang terkandung di dalam katalog (misalnya, tajuk buku-buku sahaja dan bukan makalah), dan maklumat rujuk silang (cross-reference) patut diberikan.



Catatan Ketua Pengarang Jendela:

Bibliografi berikut mengenai OPAC telah dikeluarkan oleh British Library:

Miteu, Nathalie Nadia dan Efthimiadias, Efthimis Nikolas. *A Classified Bibliography on Online Public Access Catalogues*. London: Department of Information Science, The City University, 1987 (British Library Research Paper, 23).



oleh
Fawzia Dawood

"Bilakah semua ini akan berakhir?" seorang Pustakawan telah mengeluh. Beliau sangat kesal dengan literasi Perpustakaan seorang pengguna. Beberapa kali beliau telah menunjuk ajar pengguna itu cara-cara mendapatkan bahan untuk penyelidikannya. Setiap kali selepas menunjuk cara mencarinya beliau telah bertanya sama ada pengguna itu faham tentang strategi itu, pengguna itu telah berkata 'ya' dengan bersungguh-sungguh. Tetapi beliau datang lagi meminta bantuan untuk tugas yang lain.

Semasa Orientasi Perpustakaan pelajar-pelajar baru telah diberi demonstrasi dan tunjuk ajar oleh kakitangan profesional cara mendapatkan buku dari rak-rak koleksi tertentu. Sebaik sahaja senarai bacaan diberi oleh pensyarah-pensyarah, mereka datang ke kaunter-kaunter rujukan dengan alasan mereka tidak tahu cara untuk menyemak katalog kamus untuk menentukan sama ada buku itu didapati dalam Perpustakaan atau tidak. Kadangkala kakitangan di kaunter bertanya sama ada mereka mengikuti orientasi Perpustakaan atau tidak. Dengan senyum-simpul mereka kata tidak atau kurang pasti.

Sebagai Pustakawan, kita terpaksa mengajar pengguna-pengguna menjadi mahir dalam cara-cara mendapatkan bahan-bahan rujukan dari Perpustakaan ini. Tetapi setiap kali kita tunjuk ajar, kita merasa seakan-akan semacam robot. Ada robot yang boleh buat kerja rumah, ada yang menjadi polis, jururawat, membuat pembedahan otak dan sebagainya. Malangnya tiada robot yang boleh mengendalikan kerja-kerja Pustakawan.

Oleh kerana beban kerja yang berlebihan, Pustakawan-pustakawan akan jadi bosan, letih, lesu dan kecewa. Dari itu, Pustakawan-pustakawan yang menemui pengguna patut berhati-hati semasa bertugas kerana kadangkala tabiat pengguna dan tekanan kerja akan menimbulkan masalah-masalah yang tidak dapat dikawal seperti bercakap kasar dan sebagainya.

Kalaulah ada robot senanglah kerja Pustakawan, tetapi itu hanyalah mimpi. Saya merasa sangat bersyukur kerana saya pernah melihat pengguna-pengguna yang telah saya tunjuk ajar cara-cara mendapatkan bahan rujukan menolong kawan-kawan mereka membuat demikian. Inilah langkah pertama untuk literasi Perpustakaan. Mungkin lama kelamaan bilangan ini akan bertambah dan akhirnya ramai orang akan tahu cara-cara menggunakan Perpustakaan ini dengan lebih berkesan tanpa bantuan petugas-petugas atau sesiapa pun.

Rujukan

1. Ford, Barbara J. *Reference beyond (and without) the reference desk College and Research Libraries*. 1986 : 47 (5), 491-494.
2. Smith, Karen F. *Robot at the reference desk. College and Research Libraries*. 1986: 47 (5), 486-490.

PERSONALITI

MD. NOOR BIN DIN

Kumis ada manis pun ada
Lemah lembut segak bergaya
Bersukan, bersosial aktif belaka
Md. Noor bin Din dah tinggalkan JENDELA

Pasangan bahagia Din Darus dan Che Ah Hashim telah dikurniakan 10 orang cahaya mata. Anak keenam pasangan ini telah lahirkan di Cherok To Kun, kini merupakan salah seorang kakitangan perkeranian di Universiti Sains Malaysia. Md. Noor yang telah mendirikan rumahtangga dengan Norhaniza Maaruf yang juga merupakan salah seorang kakitangan Universiti Sains Malaysia telah dikurniakan seorang cahayamata, iaitu Norsyafiqah yang kini berusia tahun. Md. Noor yang berpersonaliti menarik ini agak berahsia sedikit apabila ditanya tentang umurnya "baru awal 30-an."....katanya.

Sebelum melangkah ke alam pekerjaan, Md. Noor mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Juara, Cherok To Kun dan Sekolah Menengah Kebangsaan, Bukit Mertajam. Md. Noor amat bangga apabila ditanya tentang sekolah rendahnya kerana Menteri Pendidikan Malaysia, Encik Anwar Ibrahim juga pernah bersekolah di sekolah tersebut.

Md. Noor begitu meminati buku-buku berunsur politik, kerana menurutnya masih belum terlewat untuk beliau melibatkan diri dalam bidang politik. Masa lapangnya dipenuhinya dengan menonton televisyen atau kadangkala keluar bersiar-siar membawa anak kesayangannya.

Kesihatan adalah modal yang amat berharga, sebab itu Md. Noor begitu mengambil berat tentang penjagaan badan. Beliau lebih suka minum air masak kerana menurutnya "kalau amalkan minum air masak akan awet-muda!" Aktif bersukan serta meminati permainan badminton dan bola keranjang.

Md. Noor yang mula berkhidmat di Perpustakaan sejak Julai 1978 kini telah bertukar untuk bertugas sebagai kerani di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Beliau amat gembira dengan tugas barunya yang lebih mencabar dan menguji kemampuan kerjaya sebagai kerani.

Md. Noor juga aktif dalam ASTAKA dan merupakan Ahli Sidang Pengarang JENDELA sejak dimulakan pada tahun 1985 sehinggalah beliau bertukar pada Disember 1989.

Pengalaman paling manis dalam hidupnya ialah sewaktu menyambut kelahiran cahaya mata dan paling pahit ialah sewaktu gagal dalam peperiksaan STPM. Walau bagaimanapun, beliau masih berusaha untuk memburu cita-cita yang telah terpendam sekian lama, iaitu belajar di Pusat Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia.

Dalam ruangan ini Md. Noor ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas bantuan dan kerjasama semua pihak di Perpustakaan serta memohon kemaafan sekiranya terdapat kesilapan dan kesalahan yang dilakukan semasa bertugas di Perpustakaan. "Library..... I miss you"

(Ruangan *Personaliti* mengambil kesempatan mengucapkan selamat maju jaya kepada Md. Noor.)

LAPORAN

PERISTIWA DI SEKITAR PERPUSTAKAAN

Pelawat ke Perpustakaan USM

- 2.10.89- Norma P. Dangan dan Adawey F. B. Facal dari University of Philippines
14.10.89 untuk menjalankan latihan berkenaan automasi Perpustakaan.
- 2.10.89 Mariam A. Kadir, Presiden, Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM) dan
Chew Wing Foo, Bendahari PPM mengadakan satu dialog dengan
kakitangan ikhtisas di Perpustakaan-perpustakaan Pulau Pinang tentang
peranan PPM dan kemungkinan mendirikan cawangan PPM di Pulau Pinang.
- 20.10.89 Farhad Hossain, Pustakawan dari ICDDR B Library, Bangladesh.
- 26.10.89 Kamariah Abdul Hamid dan Sukinah Ibrahim, dari Perpustakaan Universiti
Pertanian Malaysia.
- 6.11.89 Lawatan seramai tujuh peserta-peserta ASEAN di bawah "Malaysian
Technical Cooperation Programme", anjuran Perpustakaan Negara Malaysia.
- 15.11.89 Patricia Appavoo dari Athabasca University, Kanada.
- 6.12.89 Lawatan sambil belajar oleh sekumpulan pelajar Kajian Sains dan Maklumat
dan Perpustakaan dari Institut Teknologi Mara.
-

Kajian Penggunaan Buku-Buku di dalam Perpustakaan

Kajian ini telah dijalankan dari 11-18 September 1989. Hasil-hasil kajian ini akan dibincangkan dalam sebuah mesyuarat kakitangan ikhtisas yang akan datang.

Bengkel Mencegah Kebakaran

Jawatankuasa Mencegah Kebakaran telah mengadakan satu bengkel bertajuk "Kesedaran/Mencegah Kebakaran" pada 15 Disember 1989. Ceramah dan demonstrasi telah dijalankan oleh kakitangan dari Jabatan Bomba. Seramai 25 orang kakitangan telah menghadiri bengkel tersebut.

LAPORAN

PERKEMBANGAN KAKITANGAN

Latihan/Kursus

Lillian Woon, Mohd. Pisol Ghadzali, dan Abd. Akla bin Wan Ismail telah menghadiri Kursus Penggembleran untuk Pembangunan Kakitangan Kumpulan A (PUPUK III) dari 8-11 September 1989, di Stesyen Luar Kajihayat, Muka Head.

Noor Ida Yang Rashdi telah menghadiri "Unesco Mini/Micro CDS/ISIS Users Workshop" di Bangkok pada 2-6 Oktober, 1989.

Zainab Abdul Kader dan Salmah Mohd Nor telah memberi taklimat di Bengkel Sains Perpustakaan kepada 15 orang guru dan 5 orang pelajar di Pusat Islam, Penanti, Bukit Mertajam pada 25-27 Oktober 1989.

Abdul Razak Zainuddin dan Ismail Abu telah mengambil bahagian dalam Latihan Amali (Sangkutan) Juruteknik Rendah di Bengkel Elektronik, Universiti Sains Malaysia, dari 15 November hingga 8 Disember 1989.

Masrah Haji Abidin, Mohd. Redhowan b. Abdul Rani dan Abdul Rashid b. Mohd. Ali telah menghadiri Pelancaran Budaya Kerja Cemerlang di Kuala Lumpur pada 26-28.11.89.

Perpustakaan bersama dengan Projek LAMIS, Pusat Penyelidikan Dasar telah mengendalikan satu Latihan Penggunaan Perisian CDS/ISIS untuk 33 orang kakitangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran di Semanjung, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan SEARRAG pada 4.12.89 hingga 8.12.89.

Seramai 18 orang Pembantu Am Rendah telah menghadiri kursus PAR yang dijalankan oleh Bahagian Latihan, Projek dan Penyelidikan pada 6.12.89-8.12-89.

PERTUKARAN JABATAN

1. Mohd. Zaini bin Kasim dari Perpustakaan Perubatan Kubang Kerian ke Bahagian Personel, Jabatan Pendaftar, Kampus Cawangan Perak pada 1.11.89.
2. Mohd. Noor Din ke Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan pada 15.11.89.
3. Mohd. Aziz Othman ke Pusat Keselamatan pada 15.12.89.

**LAPORAN BENGKEL : Unesco Mini/Micro CDS/ISIS Users
Workshop, 2-6 October, 1989 di Bangkok**


oleh
Noor Ida Yang Rashdi

Satu bengkel/mesyuarat pengguna-pengguna perisian CDS/ISIS telah diadakan di Bangkok dari 2-6 Oktober, 1989. Seramai 22 orang peserta dari Australia, India, Pakistan, China, Vietnam, Sri Lanka, Negara Thai, Indonesia, Malaysia dan Filipina menghadiri bengkel yang diadakan di Asian Institute of Technology, Bangkok. Di samping berbincang tentang hal-hal pentadbiran dan masa depan perisian ini, peserta bertemu dengan pereka (developer) perisian CDS/ISIS yang datang dari Unesco, Paris. Beliau telah mendedahkan ciri-ciri baru versi terbaru CDS/ISIS (versi 2.3). Tiap-tiap peserta juga diminta untuk membentangkan kertas kerja tentang kegiatan dan penggunaan CDS/ISIS di negara masing-masing. Malaysia telah diwakili oleh Noor Ida Yang Rashdi dan seorang pegawai dari Perpustakaan Negara Malaysia. Bengkel ini ditajakan oleh UNESCO. Perpustakaan Universiti Sains Malaysia merupakan salah satu daripada pengguna utama CDS/ISIS, dan pada masa ini terdapat empat pangkalan data yang menggunakan perisian CDS/ISIS versi 2.3.

SELAMAT PENGANTIN BARU

Mohd. Shamsuri Jusoh dan Rosnah Sabudin - 26.11.89

Amin Razip Hassan dan Natrah bt. Pawan - 17.12.89



CAHAYA MATA

Noris N. Muniandy - anak perempuan pada 30.11.89


KENAIKAN PANGKAT

Lillian Woon dilantik sebagai Penolong Pustakawan pada 5.9.89

Sidang Pengarang JENDELA mengucapkan tahniah kepada mereka.



RESIPI



Resipi-resipi dalam keluaran ini disumbangkan oleh Lillian Woon.


SALAD KENTANG

Bahan-bahan

3 biji kentang besar direbus
1 biji telur direbus
1 batang daun saderi
1/2 biji bawang besar
1/2 cawan mayonnaise
serbuk lada hitam
garam secukup rasa

Cara Menyediakannya

Kupaskan kulit ubi kentang dan potong dalam bentuk dadu. Potong telur rebus halus-halus. Cincang batang saderi dan bawang. Campur semua bahan-bahan ini. Masukkan ke dalam peti sejuk. Hidangkan semasa ianya masih sejuk dan tuangkan mayonnaise.



PAI EPAL BELANDA

Kulit


4 cawan tepung gandum
1 1/2 cawan majerin/mentega
2 sudu besar gula
1 biji telur ayam
1/2 cawan air
sedikit garam

Inti

5 biji epal merah besar
1/2 cawan kismis
1 sudu kecil serbuk kulit kayu manis
3 sudu besar gula
3 sudu besar air
2 sudu besar tepung jagung yang
di campur dengan 2 sudu besar air

Lapisan atas

1 cawan tepung gandum
1/2 cawan majerin/mentega
3 sudu besar gula



Cara Menyediakannya

A. *INTI*

1. Kupas epal dan potong menyerong dan buang biji.
2. Sediakan kuali, masukkan tiga sudu besar air, epal, kismis dan kulit kayu manis.
3. Kacau di atas api yang sederhana selama 5 minit.
4. Masukkan tepung jagung dan kacau perlahan-lahan - pastikan jangan terlalu masak.
5. Angkat dan sejukkan.

B. *KULIT*

1. Gaul majerin dengan tepung hingga menjadi seperti serbuk roti.
2. Campurkan gula dan garam.
3. Masukkan telur dan air.
4. Gaul hingga menjadi pastri.
5. Canai setebal 0.5 cm. dan letakkan ke dalam mangkuk pai.

C. *LAPISAN ATAS*

Gaul tepung, gula dan majerin hingga menjadi seperti serbuk roti.


Cara Menyediakan Pai

Masukkan inti ke dalam kulit pai. Taburkan bahan (c) di atas inti. Bakar di dalam oven dengan suhu 375 digri F untuk selama 40 minit.

RESIPI UNTUK MAJU KEHADAPAN

Bahan-bahan

- 1 cawan Berusaha
- 1 cawan Bersedia
- 1 camca besar Berterus terang
- 1 camca besar Yakin



Cara-Cara Membuatnya

- (a) Masukkan 1 cawan berusaha ke dalam mangkuk hati untuk mempelajari segala-galanya tentang pekerjaan anda.
- (b) Tuangkan 1 cawan bersedia ke dalam kotak fikiran untuk mendengar dan menerima kebenaran tentang diri anda.
- (c) Bahan-bahan ini digaulkan sekali ke dalam kotak fikiran:
 - (i) Bersedia mimikul tanggung jawab sepenuhnya tentang kejayaan atau kegagalan anda.
 - (ii) Bersedia bekerja sekurang-kurangnya 60 jam seminggu.
 - (iii) Bersedia menghadapi masalah dan mencari penyelesaiannya.
 - (iv) Menolak jalan mudah atau mencari jalan singkat.
 - (v) Tidak terlibat dalam hal-hal yang remeh-temeh atau keji.
- (d) Pukulkan 1 camca besar berterus terang hingga ia kembang di dalam hati terhadap perhubungan anda dengan orang lain dan menyerahkan jiwa raga tanpa memikirkan balasannya.
- (e) Tuangkan 1 camca besar yakin ke dalam mangkuk diri anda agar tujuan anda itu benar dan membawakan nilai yang besar bagi orang yang menerimanya.

Kesemua bahan-bahan tadi dimasukkan ke dalam mangkuk hati anda dan bakarlah hingga ia menyerapi di jiwa anda.

Selamat mencuba resipi ini.

(Zeey)

BERITA ASTAKA

oleh Omar Yusoff

Mesyuarat Agung Astaka kali yang Kesebelas telah diadakan pada 9hb. Disember 1989, jam 12.15 tengahari bertempat di Bilik Bacaan Tingkat Bawah. Kehadiran ahli-ahli amat menggalakkan. Presiden Astaka dan Ahli Jawatankuasa ingin merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih di atas kehadiran dan kerjasama yang diberikan oleh semua ahli. Diharap pada tahun-tahun akan datang kehadiran ahli-ahli akan meningkat lagi.

Di dalam minit mesyuarat perkara-perkara yang dibincangkan (sila lihat buletin ASTAKA yang diedarkan). Mesyuarat berjalan dengan licin.

Ahli Jawatankuasa tahun 1990 yang telah dilantik adalah seperti berikut:

Presiden	:	Puan Zainab Abdul Kader (Menang tanpa bertanding)
Naib Presiden	:	En. Mohd. Pisol Ghadzali
Setiausaha	:	En. Omar Yusoff (Menang tanpa bertanding)
Pen. Setiausaha	:	En. Mohd. Zulkifli Jaafar (Menang tanpa bertanding)
Bendahari	:	En. Quah Kung Hai (Menang tanpa bertanding)
Setiausaha Sosial	:	En. Mohamad Idris Hj. Ali (Menang tanpa bertanding)
Pen. Setiausaha Sosial	:	En. Zulkifli Hashim
Setiausaha Sukan	:	En. Nor Adzam Baba
Pen. Setiausaha Sukan	:	En. Omar Charkim
Wakil Ikhtisas	:	Puan Masrah Hj. Abidin (Menang tanpa bertanding)
Kerani/Jurutrengkas	:	En. Md. Yusoff Othman (Menang tanpa bertanding)

Penjilid/Juruteknik : En. Mohd. Redhowan Abdul Rani
Rendah/Jurufoto (Menang tanpa bertanding)

Jurutaip/Operator : Cik Zaharah Md. Jusoh
Teleks/Operator (Menang tanpa bertanding)
Keypunch

Pembantu Am Rendah : En. Ravindran a/l Vasu
Kerja Am

Perpustakaan : (tiada pencalonan)
Perubatan

Juruaudit : Puan Yeoh Hoong Kheng
En. Wong Peng Kit

MEDAN OH! MEDAN...



**SIDANG PENGARANG
JENDELA**

mengucapkan

**SELAMAT MENYAMBUT
HARI KRISMAS**

&

SELAMAT TAHUN BARU






**KEPADA SEMUA
KAKITANGAN PERPUSTAKAAN**


**SELAMAT MENYAMBUT
HARI KRISMAS
&
TAHUN BARU 1990**

daripada
LIA CHEE HONG



TO :
ALL LIBRARY STAFF

SEASON GREETINGS
AND
HAPPY NEW YEAR
1990



WITH BEST WISHES
from

EDWARD LIM
& FAMILY

SELAMAT
MENYAMBUT
HARI KRISMAS
dan
TAHUN BARU
1990




kepada

SEMUA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
U.S.M.

daripada

YEOH
HOONG KHENG





**SELAMAT
MERAYAKAN
HARI KRISMAS
DAN
TAHUN BARU
1990**


**KEPADA
SEMUA RAKAN
DI
PERPUSTAKAAN
UTAMA**

DARIPADA

**KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
CAWANGAN PERAK**



**HAVE A
JOYFUL
CHRISTMAS
AND A
MEMORABLE
NEW YEAR
1990**



**Warm greetings
from
Fawzia, Rapeeah,
Noorizan & Chon**



**SELAMAT
MERAYAKAN
HARI KRISMAS
&
TAHUN BARU
1990
kepada
SEMUA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
daripada
WONG
SOOK JEAN**



**SELAMAT
MENYAMBUT
HARI KRISMAS
kepada**

**ATS, BFL, MV,
TWF, WKP, YR**



dan

**SELAMAT TAHUN BARU
1990
kepada**

**SEMUA KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN**

daripada

ZAINAB ABDUL KADER



SELAMAT MENYAMBU
HARI KRISMAS

&

TAHUN BARU 1990

kepada

SEMUA KAKITANGAN

daripada

SMN



SELAMAT MENYAMBU
HARI KRISMAS

&

TAHUN BARU 1990



kepada

SEMUA KAKITANGAN

PERPUSTAKAAN

daripada

LILY OH



KEPUTUSAN TEKA SILANG KATA

TIADA PEMENANG

2/89

1	T	E	2	M	B	A	3	K		4	B	E	5	R	S	I	6	N
	E		A				A		A				A				A	
7	M	A	8	R	A		9	U	N	D	A	N	G					S
	P		10	I	K	U	T			A			A					I
	A		A						11	K	12	H	A	T	13	I	B	
		14	L	A	U	15	T				I						L	
		A		16	N	I	R	W	A	N	17	A					M	
		K				P				18	A	M	P	U				
19	L	U	20	M	P	U	21	H				P					22	A
	E		A				I		23	U	K	U	24	R				D
	K		25	S	A	M	B	A	R		26	N	A	G	A			
	A		A				U		A				T					N
27	S	E	M	B	U	R			28	T	A	B	U	N	G			

SEMOGA GEMBIRA
DI HARI KRISMAS
DAN
TAHUN BARU 1990

DARIPADA

Yvonne Rasen

Mariah Yusof

Asnah Ali

Angela Yen & keluarga

Quah Kung Hai

Raymond Teh Toh Seng

Kirubananthan

